

BAB 5

PENDEKATAN BERMAIN DALAM PENGAJARAN BAHASA INGGERIS DI KAMPUNG TAKANG

Nur Hafezah Hussein & Jamilah Shaari

PENDAHULUAN

Program pembelajaran bahasa yang dirancang di bawah sektor Pendidikan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat Makmal Sosial Kampung Takang melibatkan dua bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Penulis adalah pensyarah bahasa Inggeris yang terlibat secara langsung dalam merangka dan melaksanakan projek tersebut dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah di Kampung Takang, Kelantan. Kami bersepakat untuk mengaplikasikan aktiviti pengajaran bahasa Inggeris dengan menggunakan konsep bermain sambil belajar.

DEFINISI MAIN/BERMAIN

Main merupakan ekspresi sendiri yang kreatif dan perkembangannya paling jelas pada peringkat kanak-kanak. Main atau bermain secara amnya boleh didefinisikan sebagai sebarang aktiviti yang memberikan kegembiraan dan kepuasan kepada kanak-kanak tanpa menimbangkan hasil aktiviti tersebut. Kanak-kanak bermain bukan kerana inginkan sesuatu atau mencapai tujuan tertentu. Bermain dianggap sebagai satu pekerjaan bagi kanak-kanak, tetapi bukanlah pekerjaan yang memerlukan hasil akhiran atau tujuan tertentu. Bermain juga bukanlah satu aktiviti yang dipaksa malah merupakan keinginan semula jadi kanak-kanak (Kraus, 1990).